

Headline	Tabung Haji serah zakat RM3.87 juta kepada Maik		
MediaTitle	Kosmo		
Date	11 Mar 2014	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	115,967
Page No	20	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	150 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,304
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,913



TENGGU MUHAMMAD FAIZ (dua dari kiri) menerima replika cek zakat perniagaan TH bagi tahun 2013 berjumlah RM3.87 juta di PNB Darby Park, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Tabung Haji serah zakat RM3.87 juta kepada Maik

TUNAI ZAKAT. Lembaga Tabung Haji (TH) menyerahkan zakat perniagaan bagi tahun 2013 bernilai RM3.87 juta kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (Maik) di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Tengku Mahkota Kelantan, Tengku Muhammad Faiz Petra Ibtisam Sultan Ismail Petra selaku

Yang Dipertua Maik berkenan menerima bayaran zakat tersebut yang disampaikan oleh Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan TH, Datuk Rozaida Omar.

Menurut Rozaida, pembayaran zakat bagi negeri berkenaan meningkat sebanyak 11 peratus berbanding RM3.48 juta pada tahun sebelumnya.

"Jumlah keseluruhan zakat perniagaan TH untuk tahun kewangan 2013 akan dibayar kepada negeri-negeri di Malaysia adalah sebanyak RM46.29 juta berbanding RM41.21 juta bagi tahun 2012.

Turut hadir Timbalan Yang Dipertua Maik, Datuk Kamaruddin Mohd. Zin dan Pengarah TH Kelantan, Mohd. Sawal Abong.